



### PROFIL

Wan Azurani Wan Ahmad k.b.p.,a  
Merupakan Ketua Seksyen  
Kaunseling Pelajar  
Bahagian Kaunseling  
Universiti Putera Malaysia (UPM)  
Serdang, Selangor

### SIMPTOM dan punca ADHD

Kanak-kanak kategori itu mempunyai daya tumpuan yang singkat terhadap sesuatu perkara.

Mereka sering melakukan kesalahan yang sama ketika melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Gagal mematuhi arahan dan gagal menyiapkan tugas atau kerja sekolah serta kerap mengalami masalah dalam mengatur tugas dan aktiviti-aktiviti harian.

Kanak-kanak tidak akan memberikan perhatian kepada orang yang bercakap dengannya.

Mereka mempunyai sifat mengikut kata hati dengan tidak berfikir terlebih dahulu seperti menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru di dalam kelas dengan terburu-buru walaupun soalan yang diajukan belum habis disoal oleh guru.

Bagi kanak-kanak hiperaktif, mereka akan berkelakuan seperti menggoyangkan badan iaitu kaki dan tangannya serta resah di tempat duduknya.

Kanak-kanak jenis ini suka berlari-lari, memanjat perabot di kelas atau rumah dan sukar untuk mereka duduk dalam keadaan yang tenang.

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Friend (2006) menunjukkan bahawa sifat atau ciri ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga yang rapat juga boleh mempengaruhi kecacatan. Individu yang mengalami ADHD selalunya dipengaruhi oleh faktor keturunan.

Pendapat itu dibuktikan melalui pendapat Baekley (1998) yang mengatakan bahawa 80 peratus kanak-kanak ADHD adalah berpunca daripada keturunan. Bagaimanapun, terdapat beberapa ciri kanak-kanak ADHD iaitu gagal memberi tumpuan atau mudah hilang tumpuan terhadap sesuatu perkara dan tingkah laku yang agresif serta melampau.

Sumber: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)

# Resah anak terlalu hiperaktif

Ibu bapa perlu mainkan peranan penting dalam mengenal pasti ciri-ciri anak yang terlalu 'lincah'

### SOALAN:

SAYA, Syarifah Adawiyah berusia 39 tahun. Saya mempunyai seorang anak berusia lima tahun yang sangat hiper aktif.

Setiap kali mahu ke rumah tetamu, saya segan untuk membawanya bersama kerana ada sahaja barang yang dirosakkan.

Pada Aidilfitri lalu, dia mencampakkan telefon bimbit tetamu ke lantai hingga rosak. Akibatnya, kini saya dan tetamu bermasam muka.

Jadi apa yang harus saya lakukan agar anak tidak bertindak di luar jangkaan dan bagaimana saya mahu menerangkan kepada orang ramai berkenaan anak saya yang hiper aktif?

### JAWAPAN:

ASAS perkembangan kanak-kanak merupakan ilmu yang sangat unik dan menarik. Setiap kanak-kanak berbeza.

Tingkah laku mereka juga berlainan mengikut peringkat umur. Pada awal usia anak lima tahun dan ke bawah, mereka sangat aktif meneroka.

Pada usia lima tahun, personaliti anak mula kelihatan kerana mereka sedang memahami diri sendiri dan orang lain. Kadangkala tingkah laku mereka pada usia itu agak mencabar buat ibu bapa terutama dalam membentuk kelakuan dan disiplin.

Mereka mula cenderung untuk berdikari dan cuba bereksperimen dengan tingkah laku yang pelbagai. Apabila meningkat usia enam tahun ke atas, kemampuan mereka memberi fokus adalah lebih baik. Mereka akan mula belajar dan memahami daripada pelbagai sudut.

Dalam lingkungan usia enam hingga 12 tahun, perkembangan intelektual, bahasa, sosial, emosi, moral, fizikal dan kemahiran motor akan berlaku.

Sebagai ibu-bapa, perkembangan anak-anak harus diperhatikan. Adakah tahap hiper tersebut normal sepertimana kebiasaan perkembangan kanak-kanak lain atau sangat hiper dan memerlukan pemerhatian khusus?

Kebiasaannya, seorang kanak-kanak memang bersifat aktif. Kadangkala sukar menerima arahan, berkelakuan nakal, lasak, mudah hilang tumpuan, cuai, terburu-buru dan tidak boleh berdiam diri ketika berada pada satu-satu tempat.

Sekiranya gejala itu melampau dan sangat kerap terjadi, kemungkinan anak hiper aktif sebegitu mengalami gangguan Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD).

### Ciri-ciri ADHD

Terdapat tiga kelas utama bagi ciri ADHD iaitu tiada tumpuan, hiperaktif dan impulsif. Antara ciri-ciri yang boleh ibu bapa perhatikan adalah hiperaktif. Ia menunjukkan anak-anak tidak boleh bermain dengan tenang, susah duduk diam, gelisah, selalu bergerak, berlari-lari dan memanjat.

Ciri yang kedua adalah tiada tumpuan. Mereka sangat sukar untuk memberi perhatian dan tidak dapat mendengar dengan baik apabila berbicara. Pada masa sama, anak-anak kurang berhati-hati, gagal mengikut arahan, mudah lupa dan mengigau ketika tidur.

Ciri yang ketiga adalah impulsif, ia merujuk kepada anak-anak yang tidak boleh menunggu giliran dan menjawab pertanyaan sebelum selesai soalan dikemukakan. Golongan tersebut biasanya suka mengganggu orang lain dan bertindak tanpa memikirkan kesannya sama ada bahaya atau tidak.

Ciri-ciri yang ditunjukkan kanak-kanak yang mengalami gangguan ADHD itu agak ekstrem dan tidak seperti kanak-kanak lain yang sebaya usianya. Kanak-kanak yang mengalami ADHD memerlukan rawatan dan perhatian khusus.

Justeru itu, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam mengenal pasti ciri-ciri anak hiperaktif. Bawalah berjumpa pakar kanak-kanak bagi mengetahui sama ada anak anda dikategorikan dalam sangat hiperaktif atau biasa-biasa sahaja.

Mengenai hubungan dingin antara ibu bapa dan tetamu berlaku akibat daripada anak dalam kategori hiper, saya sarankan agar memohon maaf bagi pihak anak atas perbuatan tersebut. Tiada salah untuk kita beralah. Mungkin dengan cara berkenaan mereka akan lebih memahami.

